



SEBAHAGIAN Dekan UPM membaca ikrar diikuti oleh semua pensyarah di hadapan Naib Canselor dan pegawai kanan UPM.

Disember Bulan Pensyarah UPM

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) mengisytiharkan Disember setiap tahun sebagai 'Bulan Pensyarah UPM' yang dilancarkan Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardiae, di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Serdang, baru-baru ini.

Berucap merasmikan majlis itu, beliau berkata pihak pengurusan universiti memutuskan Disember dipilih Bulan Pensyarah dan berharap semua fakulti dapat mengambil inisiatif untuk membuat pengisiannya.

Setiap tahun, tema khusus akan dipilih sejajar dengan martabat dan komitmen pensyarah yang semakin global dan menjadi nadi penggerak kemajuan UPM.

Tiga agenda penting turut di-

lancarkan iaitu Piawaian Perkhidmatan Pensyarah dalam Pengajaran dan Penyeliaan sebagai faktor psikologi dalaman yang konkrit agar dapat diamalkan dalam rutin harian pensyarah.

Keduanya, bacaan ikrar pensyarah sebagai azam untuk mempertingkat usaha dan pembabitan dalam pengajaran, penyelidikan, perkhidmatan profesional serta pentadbiran dan ketiga, Kempen Mesra Murni Pensyarah-Mahasiswa di UPM dilancarkan sebagai usaha mewujudkan hubungan erat dan positif sesama mereka.

"Pensyarah yang berkualiti dan berketerampilan menjadi aset penting kepada universiti terutama akademik dan sahsiah.

"Pelajar akan selesa berdam-ping dengan pensyarah yang pandai 'mengambil hati' dan mempunyai tingkat komunikasi yang terbaik.

"Inilah yang kita harapkan untuk memastikan bahawa kesinambungan kecemerlangan semua individu di kampus hijau ini sentiasa dapat diteruskan," kata-nya.

Sehubungan itu, hubungan mesra antara pensyarah dan pelajar dapat diwujudkan dalam suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih selesa demi menjana kecemerlangan UPM.

Pada majlis itu, seramai tujuh kakitangan UPM turut menerima Anugerah Fellowship Naib Canselor 2003.